

## Kerjasama KKM, MOSTI akan diteruskan

Oleh [Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman](#) - September 8, 2021 @ 11:02am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin menyerahkan dokumen serah terima tugas ketika Majlis Serah Tugas di bangunan Pasukan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), di Putrajaya.

Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Kerjasama antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan diteruskan terutama dalam kajian vaksin untuk manusia serta penghasilan peranti perubatan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata kerjasama antara kedua-dua kementerian adalah sangat rapat dan penting serta tidak akan terhenti pada akhir Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Beliau berkata, ia berikutan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, sudah memberi tugas berat kepada MOSTI untuk menghasilkan vaksin bagi manusia.

"Kita sudah ada vaksin untuk haiwan tetapi tidak ada vaksin manusia di Malaysia.

"Ini penting untuk kita memastikan jika ada keperluan untuk tahun-tahun mendatang kita tidak perlu lagi berunding dan membeli dari luar negara," katanya pada program serah terima tugas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi serta Menteri Kesihatan, pagi ini.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Khairy berkata, KKM akan bekerjasama serta memberi sokongan kepada MOSTI untuk menghasilkan vaksin seperti Pelan Vaksinasi Antarabangsa yang kini sedang dilaksanakan di kementerian itu.

Beliau berkata, banyak peranti perubatan yang diperlukan untuk dibangunkan dalam fasa akan datang terutama fasa endemik termasuk untuk pengesanan kontak yang masih memerlukan sokongan daripada MOSTI apa yang dilaksanakan oleh KKM.

"Walaupun tugas kita sudah bertukar tangan, tetapi saya yakin bahawa kita akan terus bekerjasama dengan rapat. Saya yakin kerjasama dengan Dr Adham untuk menangani COVID-19 ini tidak selesai di peringkat program imunisasi saja tetapi akan berterusan untuk beberapa tahun akan datang supaya dapat stabilkan keadaan negara kita dalam normal baharu," katanya.

Sementara itu, Khairy turut mengucapkan selamat maju jaya kepada Dr Adham yang kini mengambil alih portfolio yang sebelum ini disandangnya.

Pada 27 Ogos lalu, BH melaporkan, Khairy yang sebelum ini menggalas tanggungjawab sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi kini diberi tugas sebagai Menteri Kesihatan manakala Dr Adham pula mengambil alih tanggungjawab Khairy sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.